



KUMPULAN YAYASAN SABAH

Menara Tun Mustapha
Kompleks Ibu Pejabat Yayasan Sabah
Teluk Likas, Peti Surat 11623
88817 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia
Tel: 6 088 326300 Faks: 6 088 326424
E-mel: ysinfo@ysnet.org.my
Laman Web: <http://www.yayasansabahgroup.org.my>

SIARAN MEDIA

[MEDIA RELEASE/STATEMENT]

UNTUK SIARAN SEGERA

25 Januari 2024

EXCO PERUMAHAN DAN KEBUDAYAAN NEGERI SELANGOR DAN ROMBONGAN MELAWAT PUSAT KRAFTANGAN SABAH

KENINGAU : Exco Perumahan dan Kebudayaan Negeri Selangor, Tuan Borhan bin Aman Shah serta rombongan melawat Pusat Kraftangan Sabah di Keningau pada 24 Januari 2024. Rombongan tersebut terdiri daripada pegawai-pegawai Perbadanan Adat dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) serta Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor.

Rombongan tersebut disambut oleh Pengarah Yayasan Sabah, Dato' Sri Haji Gulamhaidar @ Yusof bin Khan Bahadar. Tuan Borhan dan rombongan diberi taklimat mengenai operasi Pusat Kraftangan Sabah, Keningau.

Tuan Borhan kemudiannya dibawa melawat ke galeri dan bengkel-bengkel kraf tangan yang dihasilkan oleh para peserta kursus.

Menurut Pengarah Yayasan Sabah, Dato' Sri Haji Gulamhaidar @ Yusof bin Khan Bahadar, pemilihan Pusat Kraftangan Sabah sebagai destinasi lawatan amat dihargai kerana memberi makna untuk kedua-dua negeri Sabah dan Selangor, menjalin kerjasama dan persefahaman, khususnya berkaitan produk warisan kebudayaan, pelancongan dan seumpamanya.

“Kita juga berharap menerusi lawatan seperti ini, rombongan tersebut dapat mengenali negeri kami yang indah dan berwarna-warni serta kaya dengan kepelbagaian dan keunikan budaya, secara lebih dekat lagi,” katanya.



Pix 1 : *Dato' Sri Gulamhaidar (tiga dari kiri) menyampaikan cendera kenangan yang berbentuk ukiran Menara Tun Mustapha kepada Tuan Borhan sambil disaksikan oleh Encik Hanafiah Diman, Setiausaha Korporat Yayasan Sabah (dua dari kiri) serta delegasi yang lain.*



Pix 2 : *Tuan Borhan terpegun dengan hasil kreativiti yang ditunjukkan oleh Pengusaha Pusat Kraftangan Sabah. Turut serta Dato' Sri Gulamhaidar (kanan)*

-----TAMAT-----

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi :

Sam S. Karnail
Pengurus Kumpulan
Bahagian Komunikasi Korporat
Kumpulan Yayasan Sabah
No. Tel : 088-326448
Faks : 088-421526/088-326424
Emel : ynwaskarnail@gmail.com